



INISIATIF KEMENTERIAN PERTAHANAN SANTUNI KANAK-KANAK AUTISME MELALUI PROGRAM IKHTIAR AUTISME ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (IA-ATM)

1. **MELAKA, 8 April 2026** – Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Adly Zahari telah menyempurnakan Majlis Peluncuran **Program Ikhtiar Autisme Angkatan Tentera Malaysia (IA-ATM)** di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Umi Kem Terendak.
2. Program IA-ATM merupakan inisiatif baharu Kementerian Pertahanan (MINDEF) dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan National Autism Society of Malaysia (NASOM). Program ini dibiayai oleh Lembaga Tabung Haji (TH) sebagai sebahagian daripada komitmen sukarela syarikat terhadap tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada masyarakat.
3. IA-ATM memfokuskan kanak-kanak autisme dikalangan anak-anak Warga Kerja Pertahanan (WKP) berusia tiga hingga 15 tahun khususnya yang berada di kem-kem ATM. Objektif program antaranya ialah mendengar dan mendapatkan input berkenaan **keperluan kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak autisme** daripada ibu bapa dan guru-guru serta **mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat** mengenai tanggungjawab sosial ke atas kanak-kanak istimewa ini. Melaluinya juga ia dapat **membina jaringan kerjasama** antara MINDEF dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi menyediakan kemudahan, bimbingan serta bantuan yang diperlukan.
4. Sebagai pengenalan, IA-ATM dilaksanakan di PPDK Lautan Kasih Pangkalan TLDM Lumut, Perak bermula 14 Julai 2025 hingga 7 Mei 2026 dan PPDK Umi Kem Terendak, Melaka bermula 4 Ogos 2025 hingga 4 Jun 2026. Seramai 20 kanak-kanak autisme daripada PPDK menjalani sesi Pelajaran-Terapi merangkumi 12 modul baharu yang direka khusus oleh pihak NASOM bagi program ini.
5. Inisiatif ini bukan sahaja menyokong kanak-kanak berkeperluan khas (KBK) tetapi turut memberi penekanan kepada keupayaan KBK mengembangkan bakat dan potensi diri agar berupaya mencapai potensi penuh bagi diintegrasikan dalam masyarakat. Selain itu ia turut membuka ruang kepada tenaga pengajar meneroka kaedah dan modul pengajaran baharu yang bersesuaian mengikut kecenderungan dan potensi murid. Usaha ini juga menyokong inisiatif memperkukuh kerjasama di antara ATM dengan agensi awam dan pihak swasta melalui pendekatan *Civil Military Corporation (CIMIC)*.
6. Terdahulu, Timbalan MENHAN telah melancarkan Program IA-ATM peringkat Negeri Perak di PPDK Lautan Kasih Pangkalan TLDM Lumut pada 7 April 2026.

7. Turut hadir, Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota ATM (AKSPA); Mejar Jeneral Dato' Indera Zahari bin Mohd Ariffin, Pengarah Wilayah Selatan TH; Tuan Haji Rozimin Ahmed Kamil, Pengerusi NASOM; Encik Julian Wong Ming Vui, Pengarah JKM Negeri Melaka; Puan Halyjah Muhammad dan seluruh warga PPDK Umi Kem Terendak Melaka.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

**Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 8 April 2026**